



جابتن أكام إسلام فراق
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pegawai Tadbir Agama
Pejabat Agama Daerah
Negeri Perak Darul Ridzuan**

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JAIPK/BPM/36/3 Jld 3 (46)

Tarikh: **13** Syaaban 1444H
06 Mac 2023M

Tuan,

**SURAT MAKLUMAN GARIS PANDUAN LARANGAN MENGAJAR SERTA
BERSYARAH DALAM MASJID DAN SURAU YANG BERDAFTAR DENGAN
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK**

Didoakan semoga tuan berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

- *** 2. Adalah dimaklumkan bahawa, bersama-sama ini disertakan surat makluman seperti tajuk di atas. Mohon jasa baik pihak tuan untuk edarkan surat tersebut kepada semua Pengerusi Jawatakuasa Kariah di daerah tuan.
3. Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan jazakumullahu khairan kathira.

Sekian, dimaklumkan.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI HARITH FAZILAH BIN ABDUL HALIM)
Pengarah,
Jabatan Agama Islam Perak.

"PERAK SEJAHTERA 2030"



جابتن أكام إسلام فراق
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Ruj. Kami: Bil (47) JAIPk/BPM/36/3 Jld 3

Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid
Seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 13 Syaaban 1444
06 Mac 2023

YBhg. Dato'/Tuan,

MAKLUMAN GARIS PANDUAN LARANGAN MENGAJAR SERTA BERSYARAH DALAM MASJID DAN SURAU YANG BERDAFTAR DENGAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg. Dato'/Tuan berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan segala hormat dan takzimnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato'/Tuan terhadap Garis Panduan Larangan Mengajar Serta Bersyarah Dalam Masjid Dan Surau Yang Berdaftar Dengan Jabatan Agama Islam Perak.

3. Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Negeri Perak telah menetapkan beberapa keputusan seperti berikut:-

3.1 Larangan mengambil bahagian dalam aktiviti mengajar atau bersyarah di mana-mana masjid dan surau yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak di Negeri Perak hendaklah terpakai kepada pihak berikut:-

- a) Individu yang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara atau terpilih sebagai Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri mana-mana Negeri;
- b) Individu yang tiada mempunyai sebarang tauliah mengajar daripada Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Negeri Perak;
- c) Individu yang memegang jawatan dalam mana-mana parti politik;
- d) Individu yang menjadi calon bertanding sebagai calon dalam Pilihan Raya Umum dan Pilihan Raya Kecil;
- e) Individu yang telah bersara sebagai Ahli Dewan Negara atau Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri serta didapati kekal aktif dalam kegiatan-kegiatan politik.

3.2 Jawatankuasa Kariah Masjid dan Jawatankuasa Surau hendaklah sentiasa memantau aktiviti mengajar atau bersyarah agar ianya selari dengan matlamat pengajaran dan syarahan pengajaran dan syarahan iaitu pengukuhan ilmu dan pemupukan perpaduan masyarakat.

4. Dipohon kepada YBhg. Dato'/Tuan agar mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Segala kerjasama dari YBhg. Dato'/Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan jazakumullahu khairan kathira.

Sekian, dimaklumkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI HARITH FADZILAH BIN ABDUL HALIM)

Pengarah,

Jabatan Agama Islam Perak.

✉ harithfadzilah@yahoo.com

☎ 05-2084800 / (F) 05-2555512

S.k Yang Dipertua, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
Ketua Polis Perak
Orang Besar Jajahan Daerah
Pegawai Daerah
Pegawai Tadbir Agama Daerah
Fail Timbul